

Headline	Kementerian Kewangan lulus penubuhan FRIM Inc. - Wan Junaidi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	337 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,166



Kementerian Kewangan lulus penubuhan FRIM Inc. - Wan Junaidi

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc. bagi memajukan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, dengan kelulusan yang diperolehi 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijelaskannya.

Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, katanya

kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana kementerian itu di Masjid Jamek FRIM di sini hari ini.

Pada 7 April tahun lepas, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang FRIM 2016 yang antara lain membenarkan institut itu menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkukuhkannya menjadi satu badan pihak berkuasa bagi mengkomersilkan dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.

Sementara itu, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, kira-kira 150

produk berpotensi akan dikomersilkan pada peringkat awal.

Beliau berkata, 15 produk terbaik disasarkan berada di pasaran tahun depan dengan jangkakan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran.

"Kita tubuhkan pasukan khas bagi membantu memastikan produk-produk ini berjaya dipasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, antara produk berpotensi ialah perabot daripada hasil hutan, terutamanya yang diusahakan pengusaha bumiputera. - BERNAMA



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR (empat dari kanan) bersama **Abd. Latif Mohmod** (empat dari kiri) mengagihkan daging korban di Masjid Jamek FRIM, Kepong, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID